




BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR



**JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN NEGERI JOHOR
MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU**

2. Pengurusan Program Saliran Mesra
Alam Negeri Johor

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PENGURUSAN PROGRAM SALIRAN MESRA ALAM NEGERI JOHOR

RUMUSAN
AUDIT

Pengurusan Program Saliran Mesra Alam JPS dan MBJB adalah memuaskan dan telah mencapai objektif Dasar Kerajaan Negeri Johor (DRSNJ) 2030 iaitu meminimalkan risiko banjir.

MAKLUMAT PROGRAM



OBJEKTIF SMA

Menangani masalah banjir/banjir kilat yang sering berlaku di kawasan pembangunan bandar/urbanisasi

KOMPONEN SMA

- SALIRAN
- NAIKTARAF KTB
- PERANGKAP SAMPAH
- PERPARITAN
- LAIN-LAIN

PROJEK SALIRAN MESRA ALAM DAN PENYENGGARAAN KTB

66 Projek 431 KTB (RM92.41 juta)	JPS 30 Projek 387 KTB RM40.62 juta	MBJB 36 Projek 44 KTB RM51.79 juta
---	--	--

PRESTASI PROGRAM

Pencapaian Output



66 Projek

- 32 siap
- 5 siap dengan EOT
- 10 lewat siap
- 18 sedang dilaksanakan
- 1 ditamatkan



Penyenggaraan Kolam Takungan Banjir (KTB)

ONE-OFF
JPSDJB (6.4%-11.1%)
JPDBP (8.1%-47.7%)
MBJB (100%)

BERKALA
JPSDJB (90.9%-102.1%)
JPDBP (55.8%-77.9%)
MBJB (100%)

Pencapaian Keberhasilan

1. Pencapaian Objektif Program Saliran Mesra Alam



3 projek siap berjaya menyelesaikan masalah banjir di kawasan hotspot banjir

2. KTB Berfungsi Sebagai Pusat Rekreasi

4 KTB Taman Pelangi Indah (1&2)
KTB Hutan Bandar
KTB Tasek Merdeka



PENGURUSAN PROGRAM SALIRAN MESRA ALAM

1 Penyenggaraan KTB berkala dilaksanakan dengan kekerapan satu hingga 6 pusingan setahun kerana kekurangan peruntukan.

2 Tiada penyenggaraan bagi 7 KTB untuk tempoh 13 hingga 24 bulan terakhir.

3 Pentadbiran kontrak – 10 projek Saliran Mesra Alam lewat siap.

4 Penamatan kontrak projek menaik taraf sistem perparitan menyebabkan MBJB masih belum melantik kontraktor penyiap.

5 Pewartaan 326 unit KTB masih belum dilaksanakan.

6 Pencerobohan tanah rizab sungai dan KTB dengan binaan serta tanaman.

7 160 aduan awam belum selesai.

3 SYOR AUDIT

JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PENGURUSAN PROGRAM SALIRAN MESRA ALAM NEGERI JOHOR

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengurusan program Saliran Mesra Alam terdiri daripada pembinaan sistem saliran untuk tujuan pencegahan banjir/banjir kilat dan menyelenggara sistem saliran/anak sungai/parit sedia ada termasuk Kolam Takungan Banjir (KTB). Objektif Program Saliran Mesra Alam bertujuan menangani masalah banjir/banjir kilat yang berlaku di kawasan pembangunan terutamanya kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian. Selain itu, tujuan pembinaan KTB pula untuk rawatan kualiti air. Selain memberi nilai tambah dan menjadi tarikan kepada komuniti sebagai kawasan riadah.
- Pengurusan Program Saliran Mesra Alam dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor, JPS Daerah dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Sebanyak 66 projek Saliran Mesra Alam dan 431 penyenggaraan KTB bernilai RM92.41 juta telah diluluskan bagi negeri Johor untuk tempoh tahun 2019 hingga 2022.
- Liputan Audit mencakupi dua bidang utama iaitu pencapaian prestasi program dan pengurusan Program Saliran Mesra Alam. Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output meliputi pencapaian kemajuan pelaksanaan fizikal projek dan prestasi penyenggaraan KTB. Pencapaian keberhasilan pula dinilai dari segi pencapaian kepada Dasar Rancangan Struktur Negeri Johor (DSRNJ) 2030 terhadap projek saliran yang dapat meminimakan risiko bencana banjir dan KTB berfungsi sebagai pusat rekreasi. Bagi pengurusan program pula meliputi prestasi kewangan, pentadbiran kontrak, penyenggaraan KTB, pewartaan KTB, pencerobohan dan pengurusan aduan awam.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program Saliran Mesra Alam JPS Negeri Johor dan MBJB telah diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif iaitu meminimakan risiko bencana banjir.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pengurusan program Saliran Mesra Alam JPS dan MBJB adalah memuaskan dan telah mencapai objektif Dasar Rancangan Struktur Negeri Johor (DRSNJ) 2030 untuk meminimakan risiko banjir di Negeri Johor. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - sebanyak 32 (48.5%) projek telah siap mengikut jadual, 18 (27.3%) projek sedang dilaksanakan, lima (7.6%) projek siap dengan kelulusan pelanjutan masa (EOT), 10 (15.2%) projek lewat siap dan satu (1.5%) projek ditamatkan;
 - tiga daripada enam projek siap berjaya menyelesaikan masalah banjir di kawasan hotspot banjir. Baki 41 projek siap telah berjaya meminimakan risiko banjir di luar kawasan hotspot banjir;
 - empat KTB berfungsi sebagai pusat rekreasi dan riadah bagi orang awam;
 - MBJB belum melantik kontraktor penyiap bagi meneruskan projek Menaiktaraf Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir di Alur Anak Sungai Pandan Kawasan Taman Setia Indah, Johor Baru;
 - penyenggaraan berkala KTB oleh JPS Daerah Johor Bahru dan JPS Daerah Batu Pahat hanya dapat dilaksanakan dengan kekerapan satu hingga enam pusingan setahun kerana kekurangan peruntukan;
 - tiada penyenggaraan bagi tujuh KTB JPS Daerah Batu Pahat untuk tempoh 13 hingga 24 bulan terakhir;
 - 326 KTB di Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat seluas 2,581,797 meter persegi masih belum diwartakan;

- pencerobohan di dua kawasan tanah rizab sungai dan satu KTB dengan binaan bangunan serta tanaman; dan
- 160 aduan awam bagi tahun 2019 sehingga 2022 yang diterima oleh JPS dan MBJB masih belum selesai sehingga tarikh pengauditan.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bagi memastikan objektif pengurusan Program Saliran Mesra Alam dapat dicapai, adalah disyorkan pihak terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - memastikan pengurusan program Saliran Mesra Alam dan penyenggaraan KTB yang dilaksanakan oleh JPS dan MBJB mengikut jadual dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya;
 - JPS mewartakan kawasan yang dirizabkan sebagai Kolam Takungan Banjir (KTB) apabila menerima penyerahan KTB secara rasmi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - JPS dan MBJB meningkatkan tahap pemantauan dan tindakan aduan awam bagi mengelakkan kejadian banjir dan pencerobohan.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

2. PENGURUSAN PROGRAM SALIRAN MESRA ALAM NEGERI JOHOR

FAKTA UTAMA

Dasar Rancangan Struktur Negeri Johor (DRSNJ 2030) 2021-2030

- Matlamat dasar ialah meminimakan risiko bencana banjir melalui pengurusan kawasan banjir secara bersepadu merangkumi perancangan kawasan berisiko banjir, pengurusan lembangan sungai bersepadu, pelan induk saliran bandar/saliran mesra alam dan rancangan tebatan banjir bagi seluruh negeri Johor

Objektif Program

- Menangani masalah banjir/banjir kilat yang sering berlaku di kawasan pembangunan terutamanya di kawasan yang dalam pembangunan bandar/urbanisasi seperti kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian.

RM40.62 juta

(2019-2022)
Jumlah Peruntukan Persekutuan
dan Negeri

RM39.5 juta

(2019-2022)
Jumlah perbelanjaan Persekutuan dan Negeri bagi
30 projek dan 387 KTB yang disenggara

RM 51.79 juta

(2019 hingga 2022)
Jumlah Peruntukan MBB

RM29.26 juta

(2019 hingga 2022)
Jumlah perbelanjaan oleh MBB bagi
36 projek dan 44 KTB yang disenggara

Bilangan Hotspot Banjir

Jumlah 452 lokasi

436 lokasi negeri Johor

16 lokasi MBB

1. LATAR BELAKANG

1.1. Kerajaan Negeri telah menyediakan Dasar Rancangan Struktur Negeri Johor (DRSNJ) 2030 dengan objektif untuk meminimakan risiko bencana banjir melalui pengurusan kawasan banjir secara bersepadu merangkumi perancangan kawasan berisiko banjir, pengurusan lembangan sungai bersepadu, pelan induk saliran bandar/saliran mesra alam dan rancangan tebatan banjir bagi seluruh negeri Johor.

1.2. Pengurusan Program Saliran Mesra Alam terdiri daripada perancangan projek bagi kerja pembinaan sistem saliran untuk tujuan pencegahan banjir/banjir kilat dan menyenggara sistem saliran/anak sungai/parit sedia ada termasuk kolam takungan banjir. Objektif Program Saliran Mesra Alam adalah bertujuan untuk menangani masalah banjir/banjir kilat yang sering berlaku di kawasan pembangunan terutamanya di kawasan

yang dalam pembangunan bandar/urbanisasi seperti kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian. Selain itu, kolam takungan ini juga boleh digunakan untuk tujuan rawatan kualiti air, bertujuan memberi nilai tambah dan menjadi tarikan kepada komuniti sebagai kawasan riadah.

1.3. Komponen utama Program Saliran Mesra Alam adalah seperti berikut:

- a. komponen projek sistem saliran - terdiri daripada projek Saliran Mesra Alam, naik taraf kolam takungan banjir, perparitan konkrit dan tanah, perangkap sampah dan lain-lain; dan
- b. komponen penyenggaraan kolam takungan banjir - terdiri daripada kerja penggalian, kerja pemotongan rumput, membuang enapan, membaik pulih dan membina pagar di kolam takungan, membaiki struktur tebing kolam takungan serta pembersihan *inlet/outlet* kolam takungan.

1.4. Pengurusan Saliran Mesra Alam dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor, JPS Daerah dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Tanggungjawab jabatan dan agensi adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERANAN DAN FUNGSI JPS NEGERI JOHOR, JPS DAERAH DAN MBJB

JABATAN/AGENSI	PENGUASA SALIRAN MESRA ALAM
JPS NEGERI JOHOR	<ul style="list-style-type: none">Mengagihkan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.Pemantauan Kemajuan Projek.
JPS DAERAH	<ul style="list-style-type: none">Merancang dan melantik kontraktor projek Saliran Mesra Alam dan penyenggaraan kolam takungan.Pegawai Penyelia projek Saliran Mesra Alam dan penyenggaraan kolam takungan.
MBJB	<ul style="list-style-type: none">Membangunkan infrastruktur saliran yang mesra alam.Menyediakan sistem perparitan yang berkualiti dan responsif.

Sumber: myPortfolio JPS dan MBJB

1.5. Program Saliran Mesra Alam dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan MBJB. Sebanyak 66 projek Saliran Mesra Alam dan 431 kerja penyenggaraan Kolam Takungan Banjir (KTB) berjumlah RM92.41 juta telah diluluskan bagi negeri Johor untuk tempoh tahun 2019 hingga 2022. Peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM12.60 juta yang diterima oleh JPS bagi membiayai perbelanjaan penyenggaraan KTB. Maklumat terperinci seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KELULUSAN PERUNTUKAN PROGRAM SALIRAN MESRA ALAM
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

BIL.	PERUNTUKAN	PROJEK SALIRAN MESRA ALAM	PENYENGGARAAN KTB	PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Persekutuan	-	387	12.60
2.	Negeri	30		28.02
	JUMLAH	30	387	40.62
1.	Persekutuan	3	-	1.54
2.	MBJB	33	44	50.25
	JUMLAH	36	44	51.79
	JUMLAH KESELURUHAN	66	431	92.41

Sumber: JPS Malaysia, RJ5T dan MBJB.

1.6. Mengikut Senarai Inventori setakat bulan Disember 2022 terdapat 387 KTB berkeluasan 1,107,634 meter persegi disenggara oleh 10 JPS Daerah. Manakala, 44 KTB berkeluasan 358,293.6 meter persegi yang berada dalam kawasan MBJB disenggara oleh MBJB. Butiran KTB adalah seperti dalam **Jadual 3**.


JADUAL 3
BILANGAN SELENGGARA KOLAM TAKUNGAN BANJIR
DI JPS DAN MBJB SEHINGGA TAHUN 2022

BIL.	JPS DAERAH	BIL. KTB
1.	Johor Bahru	48
2.	Batu Pahat	86
3.	Muar	66
4.	Kluang	21
5.	Segamat	31
6.	Mersing	16
7.	Kota Tinggi	8
8.	Pontian	41
9.	Tangkak	42
10.	Kulai	28
	JUMLAH	387
11.	MBJB – Johor Bahru	44
	JUMLAH	431

Sumber: JPS dan MBJB

1.7. JPS Malaysia telah mengeluarkan bilangan lokasi hotspot banjir di negeri Johor berjumlah 436 sehingga tahun 2022. Sebanyak 16 hotspot banjir telah dikenal pasti dalam kawasan MBJB. Bilangan hotspot banjir mengikut daerah dan MBJB adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
BILANGAN HOTSPOT BANJIR MENGIKUT DAERAH
DI NEGERI JOHOR DAN MBJB



Sumber: JPS Negeri Johor

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program Saliran Mesra Alam JPS Negeri Johor dan MBJB telah diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meminimakan risiko bencana banjir.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini menumpukan kepada pengurusan Program Saliran Mesra Alam meliputi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Liputan Audit mencakupi dua bidang utama iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output meliputi pencapaian kemajuan pelaksanaan fizikal projek dan prestasi penyenggaraan KTB. Pencapaian keberhasilan pula dinilai dari segi pencapaian kepada Dasar Rancangan Struktur Negeri Johor (DSRNJ) 2030 terhadap projek saliran yang dapat meminimakan risiko bencana banjir dan KTB berfungsi sebagai pusat rekreasi. Bagi pengurusan program pula meliputi enam perkara iaitu prestasi kewangan, pentadbiran kontrak, penyenggaraan KTB, pewartaan KTB, pencerobohan dan pengurusan aduan awam.

3.2. Pengauditan ini telah dilaksanakan di JPS dan MBJB seperti dalam **Rajah 1**.



3.3. Selain itu, pengesahan maklumat pencerobohan dan aduan telah dilaksanakan dengan jabatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti di **Rajah 2**.

RAJAH 2
KEMENTERIAN/JABATAN/PBT

PBT	KEMENTERIAN/JABATAN
1. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) 2. Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) 3. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) 4. Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)	1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim 2. Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Johor 3. Pejabat Tanah Johor Bahru (PTJB)

Nota: Daerah Johor Bahru merangkumi 3 PBT iaitu MBJB, MBPG dan MBIP

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan program Saliran Mesra Alam (SMA) di JPS dan MBJB bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2022. Lawatan fizikal dilakukan ke tapak projek SMA dan penyenggaraan KTB yang terpilih. Perbincangan dan temu bual bersama Jurutera Daerah dan Penolong Jurutera juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

4.2. Pemilihan sampel projek saliran melibatkan dua daerah, satu bahagian di JPS dan MBJB iaitu 72.7% dan 100% penyenggaraan KTB seperti dalam **Jadual 4**. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan nilai kos projek yang tinggi, projek terkini siap, projek lewat siap atau siap dengan lanjutan masa (EOT) dan kos penyenggaraan KTB yang tinggi. Bagi tujuan pengesahan fizikal Audit, pihak Audit telah memilih 24 projek SMA (50%) dan 43 KTB (24.2%) seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SAMPEL PROGRAM SALIRAN MESRA ALAM DAN LAWATAN FIZIKAL AUDIT

AUDITI	PROJEK SALIRAN			PENYENGGARAAN KTB			LAWATAN FIZIKAL			
	BILANGAN POPULASI	BILANGAN SAMPEL	(%)	BILANGAN KTB	BILANGAN SAMPEL	(%)	BILANGAN PROJEK	(%)	KTB	(%)
JPSNJ	3	3	100	-	-	-	3	100.0	-	-
JPSDJB	4	4	100	48	48	100	4	66.7	32	66.7
JPSDBP	23	23	100	86	86	100	7	30.4	6	7.0
MBJB	36	18	50	44	44	100	10	55.5	5	11.4
JUMLAH	66	48	72.7	178	178	100	24	50.0	43	24.2

Sumber: BPME JPS Negeri Johor, JPS Daerah Johor Bahru, JPS Daerah Batu Pahat dan MBJB

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dijalankan mulai bulan September 2022 sehingga Januari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 12 April 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Prestasi Kemajuan Pelaksanaan Fizikal Projek

- a. Merujuk kepada syarat dalam perjanjian, pelaksanaan projek Saliran Mesra Alam hendaklah mengikut tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Sebanyak 66 projek SMA telah dilaksanakan bagi tahun 2019 hingga 2022 merangkumi komponen projek seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
BILANGAN DAN KOMPONEN PROJEK SALIRAN MESRA ALAM YANG DILAKSANAKAN OLEH JPS DAN MBJB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

KOMPONEN PROJEK	PELAKSANA				BILANGAN PROJEK
	JPSNJ	JPSDJB	JPSDBP	MBJB	
Saliran	-	4	20	18	42
Naik Taraf Kolam Takungan Banjir	-	-	2	5	7
Perangkap Sampah	3	-	-	6	9
Perparitan	-	-	-	5	5
Lain-Lain	-	-	1	2	3
JUMLAH	3	4	23	36	66

Sumber: BPME JPS Negeri Johor, JPS Daerah serta Bahagian Saliran dan Pengurusan Sungai, MBJB (2019-2022)

- b. Semakan Audit sehingga bulan Disember 2022, mendapati prestasi kemajuan pelaksanaan fizikal 66 projek SMA bagi tahun 2019 hingga 2022 berjumlah RM25.64 juta telah mencapai 71.2% seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENCAPAIAN KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK SALIRAN MESRA ALAM DI JPS DAN MBJB
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	BILANGAN PROJEK					PENCAPAIAN FIZIKAL (%)	
			SS	EOT	LS	DP	TAMAT		
JPS NEGERI JOHOR									
2019	1	0.38	1	-	-	-	-	100	
2020	1	0.49	1	-	-	-	-	100	
2021	-	-	-	-	-	-	-	-	
2022	1	0.65	-	-	-	1	-	73.0	
JUMLAH	3	1.52	2	-	-	1	-	93.3	
JPS DAERAH JOHOR BAHRU									
2019	-	-	-	-	-	-	-	TB	
2020	-	-	-	-	-	-	-	TB	
2021	1	0.02	1	-	-	-	-	100	
2022	3	0.28	2	-	-	1	-	66.7	
-	4	0.30	3	-	-	1	-	75.0	
JPS DAERAH BATU PAHAT									
2019	-	-	-	-	-	-	-	-	
2020	18	0.51	18	-	-	-	-	100	
2021	2	0.06	2	-	-	-	-	100	
2022	3	0.31	-	1	1	1	-	66.7	
JUMLAH	23	0.88	20	1	1	1	-	95.7	
JUMLAH KESELURUHAN JPS	30	2.70	25	1	1	3	-	90.0	
MBJB									
2019	10	1.71	4	3	3	-	-	100	
2020	2	0.34	-	1	1	-	-	100	
2021	7	8.39	2	-	4	-	1	85.7	
2022	17	12.50	1	-	1	15	-	11.8	
JUMLAH	36	22.94	7	4	9	15	1	55.6	
JUMLAH KESELURUHAN	66	25.64	32	5	10	18	1	71.2	

Sumber: BPME JPS Negeri Johor, JPS Daerah Johor Bahru, JPS Daerah Batu Pahat, Senarai Fail Projek Unit Saliran, Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai, Jabatan Kerja Awam, MBJB (2019-2022)

Nota:

SS = Sudah Siap
EOT = Siap EOT

LS = Lewat Siap
DP = Dalam Pelaksanaan

- c. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan 66 projek saliran SMA, sebanyak **32 (48.5%) projek telah siap mengikut jadual, 18 (27.3%) projek sedang dilaksanakan, lima (7.6%) projek siap dengan EOT, 10 (15.2%) projek lewat siap dan satu (1.5%) projek ditamatkan.**
- d. Analisis seterusnya daripada 30 projek yang dirancang, JPS berjaya menyiapkan 25 (83.3%) projek ikut jadual. Baki satu (3.3%) projek lewat siap, satu (3.3%) projek siap dengan EOT dan tiga (10%) projek sedang dilaksanakan.
- e. Pihak Audit mendapati kemajuan prestasi fizikal projek SMA oleh MBJB pula, daripada 36 projek yang dirancang, tujuh (19.4%) projek telah siap, empat (11.1%) projek siap dengan EOT, sembilan (25%) projek lewat siap, 15 (41.7%) projek sedang dilaksanakan dan satu (2.8%) projek ditamatkan.
- f. Seterusnya didapati sebanyak lima projek telah diluluskan EOT oleh JPSDBP dan MBJB seperti dalam **Jadual 7**. Kelulusan EOT diberikan terhadap projek saliran JPSDBP disebabkan oleh faktor cuaca dan bagi projek MBJB pula disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021 memberi kesan kepada hasil kemajuan kerja kontraktor.

JADUAL 7
SENARAI PROJEK SALIRAN MESRA ALAM YANG DILULUSKAN EOT
BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2022

BIL.	NAMA PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	TARIKH SIAP (EOT)	LANJUTAN MASA	
						BIL.	HARI
JPSBP							
1.	Menaik taraf Saliran - Pekan Parit Sulong Batu Pahat	0.13	06.07.2022	31.08.2022	30.11.2022	1	90
MBJB							
1.	Pembaikan Parit Utama dan Kerja Berkaitan - Jalan Mutiara Emas Puteh dan Taman Mount Austin	0.82	10.09.2019	30.12.2019	15.02.2020	1	45
2.	Pembaikan Tebing Sungai Serta Menggali Mendakan - Di Sungai Pandan	0.05	25.02.2020	23.03.2020	12.05.2020	1	45
3.	Pembaikan Tembok Penahan dan Kerja Berkaitan - Sungai Taman Johor	0.26	05.07.2020	24.10.2020	24.11.2020	1	30
4.	Mengambil Kualiti Air Sungai - Sekitar Majlis Bandaraya Johor Bharu	0.20	01.08.2021	31.7.2022	31.08.2022	1	30
JUMLAH		1.33					
JUMLAH KESELURUHAN		1.46					

Sumber: Fail Projek Saliran JPSDBP dan Senarai Projek Bahagian Saliran dan Pengurusan Sungai, MBJB

g. Pihak Audit mendapati daripada 66 projek saliran, 10 (15.2%) projek lewat siap bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 terdiri daripada menaik taraf saliran, perparitan, perangkap sampah dan lain-lain seperti dalam **Jadual 8**. Analisis Audit mendapati antara punca kelewatan projek siap adalah disebabkan oleh kontraktor yang kurang cekap. Terdapat sembilan kontraktor berkenaan telah dikenakan penalti LAD sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak perjanjian.

JADUAL 8
BUTIRAN PROJEK SALIRAN MESRA ALAM JPS DAN MBJB YANG LEWAT SIAP
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	TAHUN	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP	KELEWATAN (HARI)
JPS DAERAH BATU PAHAT						
1.	2022	Kerja Pemasangan Perangkap Sampah - Parit Lapis, Parit Johar, Parit Soga dan Parit Sri Bengkal.	0.08	8 minggu (31.05.2022-26.07.2022)	27.10.2022 - 31.10.2022	95 - 98
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU						
2.	2019	Pembaikan tebing Sungai Bala - Di Jalan Tampoi, Taman Ungku Mohsin, Johor Bahru	0.12	10 minggu (25.02.2020 - 04.05.2020)	1.8.2020 EOT 1 13.6.2020	50
3.	2019	Menaik taraf Longkang Belakang Rumah - Di Jalan Jagong, Jalan Sekoi dan Jalan Padi Bandar Baru Uda, Johor Bahru	0.20	8 minggu (01.06.2020 - 26.07.2020)	22.11.2020 EOT 1 21.9.2020	56 LAD RM2,684
4.	2019	Membina Longkang - Di Taman Orkid Johor Bahru, Johor.	0.28	12 minggu (02.09.2020 - 24.11.2020)	15.02.2021 EOT 24.12.2020	52 LAD RM3,120
5.	2020	Pembaikan Tembok Runtuh Serta Kerja-Kerja Berkaitan - Di Jalan Teratai 6, Taman Plentong Baru, Johor Bahru	0.25	12 minggu (02.09.2020 - 24.11.2020)	27.01.2021 EOT 1 24.12.2020	35
6.	2021	Penambahbaikan Sistem Perangkap Sampah GPT (Gross Pollutant Trap) - Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.	0.55	16 minggu (01.08.2021-20.11.2021)	22.07.2022 EOT 19.12.2021	216 LAD RM25,920
7.	2021	Kerja-Kerja Mengatasi Masalah Tebing Tanah Runtuh - Di Parit Utama Jalan Mutiara Emas 3/3, Taman Mount Austin, Johor Bahru	0.55	16 minggu (15.07.2021-03.11.2021)	22.03.2022	149
8.	2021	Membina On Site Detention Pond - Di Jalan Merawan, Taman Melodies, Johor Bahru, Johor	0.40	12 minggu (7.12.2021-28.02.2022)	22.12.2022 EOT 14.04.2022	253
9.	2021	Membina Perangkap Sampah Jenis CDS-GPT - Di Parit Utama Abd Samad, Johor Bahru	0.34	12 minggu (09.05.2021-31.07.2021)	02.12.2021 EOT 28.9.2021	65
10.	2022	Pembinaan Sistem Pam Tebatan Banjir - Di Jambatan Kg. Mohd Amin	0.46	12 minggu (9.10.2022-31.12.2022)	Pelaksanaan 30% EOT 15.03.2023	LAD RM2,142
JUMLAH KESELURUHAN			3.23			

Sumber: JPS Daerah Batu Pahat dan Senarai Fail Projek Bahagian Saliran dan Pengurusan Sungai, Jabatan Kerja Awam, MBJB

- h. Analisis Audit selanjutnya mendapati setakat tahun 2022, 18 projek SMA masih dalam pelaksanaan terdiri daripada tujuh (38.9%) projek saliran berjumlah RM2.15 juta, empat (22.2%) projek menaik taraf KTB berjumlah RM7.15 juta, empat (22.2%) projek perangkap sampah berjumlah RM5.78 juta dan tiga (16.7%) projek lain-lain berjumlah RM0.74 juta. Projek tersebut masih dalam pemantauan pegawai Penyelia oleh JPS dan MBJB serta dijangka siap pada tahun 2023.
- i. Seterusnya, pada bulan September 2022, Mesyuarat Lembaga Tender MBJB Bil. 7/2022 telah meluluskan satu penamatan kontraktor bagi projek Menaik Taraf Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir di Alur Anak Sungai Pandan Kawasan Taman Setia Indah, Johor Bahru berjumlah RM6.27 juta kerana kontraktor lewat menyiapkan kerja. Kemajuan kerja semasa penamatan adalah sebanyak 1% berbanding 100% sepatutnya.

Maklum Balas JPS Negeri Johor pada 5 Januari 2023

JPSNJ memaklumkan status terkini bagi Projek Perangkap Sampah Bakar Batu telah mencapai 73% berbanding perancangan 65%.

Maklum Balas JPS Daerah Batu Pahat pada 24 Januari 2023

JPSDBP memaklumkan status sehingga 15 Januari 2023 bagi Kerja Menaik taraf Sistem Saliran Di Parit Amat (Fasa 1) dan Kerja-Kerja Berkaitan, Mukim Simpang Kanan, Daerah Batu Pahat, Johor telah mencapai 60% dan dijangka siap pada 6 Februari 2023.

Maklum Balas MBJB pada 6 April 2023

Bagi tahun 2022, daripada 17 projek bagi tahun 2022, tujuh projek telah disiapkan dan 10 lagi masih dalam pembinaan. Bagi tujuh projek yang telah siap, tiga projek dalam proses pembayaran oleh pihak MBJB berjumlah RM881,698,940.

Pendapat Audit	Pencapaian output kemajuan fizikal projek bagi JPS adalah baik. Manakala bagi MBJB pula adalah memuaskan kerana terdapat sembilan projek lewat disiapkan.
-----------------------	--

5.1.1.2. Prestasi Penyenggaraan KTB

- a. Berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam Edisi Kedua (MSMA), JPS dan MBJB telah menetapkan sasaran kerja penyenggaraan KTB secara *one-off* dan berkala. Penyenggaraan KTB secara *one-off* merangkumi skop kerja yang perlu dibuat sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan atau mengikut keperluan seperti pembaikan struktur *inlet & outlet*, pembaikan pagar, pemasangan papan tanda amaran, pembaikan tebing kolam, penggalian kolam dan pembuangan kelodak. Manakala kerja penyenggaraan secara berkala merangkumi skop kerja pembersihan sampah, pemotongan rumput dan penyenggaraan landskap dengan kekerapan sebulan sekali mengikut MSMA.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 178 kolam takungan banjir yang telah disenggara oleh JPS dan MBJB merangkumi skop kerja pembaikan struktur *inlet & outlet*, pembaikan pagar, pemasangan papan tanda amaran, pembaikan tebing kolam, penggalian kolam, pembuangan kelodak dan pemotongan rumput. Prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan KTB bagi tahun 2019 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PRESTASI PELAKSANAAN KERJA PENYENGGARAAN *ONE OFF*DAN
BERKALA KOLAM TAKUNGAN BANJIR TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN KTB	PENYENGGARAAN BILANGAN KTB			
		<i>ONE-OFF</i>	%	BERKALA	%
JPS DAERAH JOHOR BAHRU					
2019	48	4	8.3	48	100
2020	47	3	6.4	43	91.5
2021	47	3	6.4	46	97.9
2022	45	5	11.1	40	90.9
JPS DAERAH BATU PAHAT					
2019	86	7	8.1	48	55.8
2020	86	11	12.8	67	77.9
2021	86	41	47.7	48	55.8
2022	86	8	9.3	64	74.4
MBJB					
2019	TM	TM	TM	TM	TM
2020	20	20	100	20	100
2021	20	20	100	20	100
2022	44*	*44	100	44	100

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, JPS Daerah Johor Bahru, JPS Daerah Batu Pahat dan Bahagian Saliran dan Pengurusan Sungai, MBJB

Nota: (*) - 24 KTB tambahan diserah oleh pemaju pada tahun 2022

TM: Tiada Maklumat

- c. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
- i. Bagi JPSDJB, prestasi penyenggaraan secara *one-off* hanya mencapai antara 6.4% hingga 11.1% daripada bilangan KTB sedia ada kerana sasaran penyenggaraan *one-off* hanya mengikut keperluan. Manakala **prestasi penyenggaraan berkala telah mencapai sasaran iaitu antara 90.9% hingga 100%**. Pada tahun 2020 hingga 2022, KTB yang telah dibuat penyenggaraan penggalian secara *one-off* tidak dibuat penyenggaraan berkala untuk tahun berkaitan kerana skop kerja seperti pemotongan rumput dan pembersihan telah dimasukkan dalam skop kerja tersebut.
 - ii. Bagi JPSDBP, prestasi penyenggaraan secara *one-off* mencapai antara 8.1% hingga 47.7% kerana sasaran penyenggaraan hanya mengikut keperluan. Manakala prestasi penyenggaraan berkala tidak mencapai sasaran iaitu antara 55.8% hingga 77.9% daripada bilangan KTB sedia ada. Peruntukan yang diterima tidak mencukupi untuk melaksanakan penyenggaraan semua KTB sedia ada. Peruntukan juga perlu diagih untuk keperluan penyenggaraan secara *one-off* yang perlu tindakan segera untuk mengelakkan banjir kilat.
 - iii. Bagi **MBJB, prestasi penyenggaraan secara *one-off* dan berkala telah mencapai 100% bagi semua sasaran KTB yang ditetapkan**. Terdapat peningkatan sebanyak 24 KTB pada tahun 2022 kerana penambahan KTB baharu yang diserahkan oleh pemaju. MBJB pula telah mencapai sasaran yang ditetapkan kerana semua KTB telah dimasukkan dalam kontrak penyenggaraan dalam tempoh dua tahun.
 - iv. Prestasi penyenggaraan secara *one-off* di JPSDJB, JPSDBP dan MBJB telah mencapai 6.4% hingga 100% daripada bilangan KTB sedia ada. **Pelaksanaan penyenggaraan secara *one-off* di JPSDJB dan JPSDBP tidak disasarkan kepada semua KTB sedia ada kerana peruntukan kewangan yang diterima mengutamakan penyenggaraan berkala**. Manakala prestasi penyenggaraan berkala di JPSDJB, JPSDBP telah mencapai 55.8% dan MBJB mencapai 100% daripada bilangan KTB sedia ada. Pada tahun 2019 hingga 2022, JPSDJB dan JPSDBP tidak mencapai sasaran penyenggaraan secara berkala kecuali JPSDJB pada tahun 2019. Ini kerana terdapat kerja-kerja penyenggaraan secara *one-off* di luar sasaran yang perlu dilaksanakan segera dan peruntukan yang diterima tidak mencukupi.

- v. MBJB pula telah mencapai sasaran yang ditetapkan kerana semua KTB telah dimasukkan dalam kontrak penyenggaraan dalam tempoh dua tahun.

Maklum Balas JPS Negeri Johor pada 9 Mei 2023

Kos penyenggaraan untuk 86 KTB di bawah tanggungjawab JPS Daerah Batu Pahat dianggarkan berjumlah RM900,000 setahun melibatkan tiga hingga empat pusingan kerja secara berkala. Bagaimanapun peruntukan yang diterima adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan penyenggaraan di semua 86 KTB sedia ada.

Maklum Balas MBJB pada 6 April 2023

Pada tahun 2019, kerja-kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan disebabkan pada tahun tersebut kolam-kolam masih di bawah tanggungan penyelenggaraan pihak pemaju. Sebagaimana syarat di dalam sijil penyerahan, pihak pemaju akan menyenggara kolam-kolam tersebut dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh penyerahan.

Pendapat Audit	Pencapaian penyenggaraan KTB adalah memuaskan. Peruntukan penyenggaraan diterima yang tidak mencukupi boleh menjaskankan fungsi KTB untuk mengurangkan kejadian banjir/banjir kilat di kawasan setempat ketika hujan lebat.
-----------------------	--

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Pencapaian Objektif Program Saliran Mesra Alam

- a. Objektif Program Saliran Mesra Alam adalah bertujuan untuk meminimakan masalah banjir/banjir kilat yang sering berlaku di kawasan pembangunan terutamanya di kawasan dalam pembangunan bandar/urbanisasi seperti kawasan perumahan, kilang dan lain-lain.
- b. Semakan Audit mendapati **tiga daripada enam projek yang telah dilaksanakan di kawasan hotspot banjir telah mencapai objektif program iaitu tiada berlaku kejadian banjir selepas projek disiapkan** iaitu projek di Sunga Bala Kawasan Kampung Ubi, projek di Kampung Melayu Wawasan dan projek di Parit Siri Molek, Batu Pahat. Manakala tiga projek

yang lain didapati masih belum dapat menyelesaikan masalah banjir kerana kejadian banjir masih berulang di kawasan hotspot banjir selepas projek disiapkan iaitu projek penggalian di Parit Besar, Parit Haji Yusof, Parit Sidek dan projek di Jalan Mersawa, Jalan Resak, Jalan Riang serta di Jalan Tenggiri, Batu Pahat. Bagaimanapun, tahap keluasan kawasan dan paras air banjir di dua kawasan hotspot menunjukkan penurunan berbanding sebelum projek dilaksanakan kecuali satu hotspot di Parit Besar yang mengalami banjir pada tahap yang lebih teruk. Manakala baki **41 projek yang telah dilaksanakan oleh JPS dan MBJB berjaya membantu meminimakan risiko banjir di luar kawasan hotspot banjir**. Butiran kawasan hotspot banjir dan projek SMA bagi daerah Johor Bahru dan Batu Pahat adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
STATUS KEJADIAN BANJIR DI KAWASAN HOTSPOT YANG DILAKSANAKAN PROJEK SALIRAN MESRA ALAM DI DAERAH JOHOR BAHRU DAN BATU PAHAT BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK	HOTSPOT	KEJADIAN BANJIR			
				SEBELUM PROJEK		SELEPAS PROJEK	
				KELUASAN (Hektar)	PARAS (Meter)	KELUASAN (m ²)	PARAS (Meter)
JOHOR BAHRU							
1.	Menggali mendakan bagi mengatasi masalah banjir – Sungai Bala Kawasan Kampung Ubi, Johor Bahru.	27.12.2021	Kg. Dato' Sulaiman Menteri	02.06.2021 (1) 08.08.2021 (2) 30.09.2021 (3)		Tiada	
				1.0 (1) 0.3 (2) 0.3 (3)	0.3 – 0.5(1) 1.0 (2) 1.0 (3)	TB	TB
2.	Membina baru sistem Saliran Mesra Alam serta kerja-kerja berkaitan – Kg. Melayu Wawasan, Gelang Patah, Johor Bahru.	02.10.2022	Kg Melayu, Gelang Patah	20.06.2020		Tiada	
				5.4	0.1 - 2.0	TB	TB
BATU PAHAT							
3.	Penggalian serta lain-lain kerja berkaitan – Parit Besar, Batu Pahat, Johor.	10.12.2020	Parit Besar	20.06.2020		24.08.2021	
				TM	0.1 – 0.4	22.4	0.7
4.	Penggalian serta lain-lain kerja berkaitan – Jalan Haji Yusof, Pt. Sidek, Batu Pahat, Johor.	02.12.2020	Parit Hj Sidek	20.06.2020		07.06.2021	
				TM	0.1 – 0.4	0.41	5.1 – 0.2
5.	Penggalian Saliran – Parit Sri Molek, Batu Pahat, Johor.	08.12.2020	Kg. Dalam Peserai	20.06.2020		Tiada	
				TM	0.1 – 0.4	TB	TB
6.	Penggalian saliran serta lain-lain kerja berkaitan – Jalan Mersawa, Jalan Resak, Jalan Riang dan Jalan Tenggiri, Batu Pahat, Johor.	10.12.2020	Taman Batu Pahat	17.11.2020		31.12.2021 (1) 02.01.2022 (2)	
				3.0	0.2 – 0.5	0.20 (1) 0.45 (2)	0.1 – 0.3 (1) 0.1 – 0.5 (2)

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, JPS Negeri Johor, JPS Daerah Johor Bahru, JPS Daerah Batu Pahat dan MBJB

- c. Pihak Audit dimaklumkan punca kejadian banjir berulang di daerah Batu Pahat adalah seperti taburan hujan setempat yang lebat dalam tempoh yang berterusan, keadaan sungai dan parit jalan yang tidak dapat menampung jumlah air sehingga melimpah daripada tebing sungai/paras jalan dan fenomena pasang surut air laut.

Pendapat Audit | Secara umumnya, keberhasilan objektif Program Saliran Mesra Alam adalah tercapai. Terdapat tiga lokasi hotspot banjir yang tidak mengalami banjir berulang selepas siap projek.

5.1.2.2. Kolam Takungan Banjir (KTB) Berfungsi Sebagai Pusat Rekreasi

- a. Berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua 2012, reka bentuk KTB harus menggabungkan kolam yang berbentuk semula jadi dengan tebing berlandskap, laluan pejalan kaki dan penanaman tumbuh-tumbuhan terpilih untuk membantu memperkayakan kawasan dan menyediakan titik tumpuan untuk pembangunan sekitar. Lanskap yang mesra alam semula jadi juga dapat menggalakkan orang ramai untuk menerima kolam takungan banjir sebagai elemen persekitaran semula jadi bandar.
- b. Berdasarkan senarai inventori KTB JPS Negeri Johor dan MBJB, terdapat **empat buah kolam yang dikenal pasti berfungsi sebagai pusat rekreasi dan riadah bagi kemudahan orang awam**. Bagi KTB Taman Pelangi Indah (Kolam 1 dan 2) disenggara oleh JPSDJB manakala KTB Tasek Merdeka dan KTB Hutan Bandar disenggara oleh MBJB.
- c. Lawatan fizikal Audit di empat KTB yang berkenaan adalah seperti dalam **Jadual 11. Gambar 1** hingga **Gambar 4** menunjukkan aktiviti dan keadaan KTB yang dijadikan pusat rekreasi.

JADUAL 11
PEMBINAAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR DIJADIKAN PUSAT REKREASI

BIL.	LOKASI KOLAM TAKUNGAN BANJIR	KELUASAN (m ²)	KOORDINAT	AKTIVITI
1.	KTB Taman Pelangi Indah (Kolam 1), Johor Bahru	49,000	1°34'56.70"N 103°47'48.45"E	
2.	KTB Taman Pelangi Indah (Kolam 2), Johor Bahru	10,000	1°35'2.12"N 103°47'37.50"E	
3.	KTB Hutan Bandar, Johor Bahru	7,730	1°28'55.18"N 103°44'48.97"E	• <i>Jogging</i> • Hidupan flora dan fauna • Taman Permainan
4.	KTB Tasek Merdeka, Johor Bahru	29,260	1°28'49.59"N 103°44'10.36"E	• <i>Jogging</i> • Taman Permainan • Senaman Robik • Hidupan flora dan fauna

Sumber: Senarai Inventori KTB JPS Negeri Johor dan MBJB

GAMBAR 1



KTB Taman Pelangi Indah (Kolam 1)
(22.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



KTB Taman Pelangi Indah (Kolam 2)
(22.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



KTB Hutan Bandar Johor Bahru
(15.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



KTB Taman Tasek Merdeka Johor Bahru
(23.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Dengan adanya KTB yang dijadikan pusat rekreasi, rakyat negeri Johor dapat meningkatkan aktiviti riadah bersama keluarga di samping berfungsi sebagai KTB bagi meminimakan risiko banjir di kawasan berhampiran selaras dengan Pelan Strategik MBJB.

Pendapat Audit | **Pembinaan KTB yang diluluskan oleh JPS dan MBJB yang mempunyai dua fungsi iaitu sebagai pusat rekreasi dan KTB adalah baik serta selaras dengan Pelan Strategik MBJB Tahun 2021-2025.**

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Prestasi Kewangan

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 1 tahun 2019 hingga 2022, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat, berhemat dan mengikut prinsip *best value for money*. Pelaksanaan program/projek oleh jabatan dan agensi hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan.

5.2.1.1. Prestasi Kewangan JPS Negeri Johor

- a. JPS Negeri Johor telah menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM12.60 juta bagi penyenggaraan KTB dan kerajaan Negeri berjumlah RM28.02 juta bagi Program Saliran Mesra Alam. Daripada peruntukan yang diterima, perbelanjaan sebanyak RM39.50 juta (97.2%) dilaksanakan menggunakan peruntukan Persekutuan dan Negeri. Butiran peruntukan dan perbelanjaan pelaksanaan projek saliran dan penyenggaraan KTB bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JPS NEGERI JOHOR
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)		JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)		JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
	PERSEKUTUAN	NEGERI		PERSEKUTUAN	NEGERI		
2019	0.50	7.92	8.42	0.50	7.63	8.13	96.6
2020	6.64	6.65	13.29	6.62	5.93	12.55	94.6
2021	3.76	8.33	12.09	3.76	8.30	12.06	99.8
2022	1.70	5.12	6.82	1.69	5.07	6.76	99.1
JUMLAH	12.60	28.02	40.62	12.57	26.93	39.50	97.2

Sumber: Laporan Prestasi Perbelanjaan JPS Negeri Johor, Laporan Pemantauan Kewangan dan Fizikal JPS Negeri Johor dan Surat Kelulusan Peruntukan JPS Malaysia

- b. Semakan Audit mendapati untuk tahun 2019 hingga 2022, **JPS telah melaksanakan projek saliran dan penyenggaraan pada tahap yang baik dengan mencapai 97.2% perbelanjaan**. Selain itu, projek yang dirancang telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan seperti mana perjanjian. JPS telah dapat menjimatkan peruntukan sejumlah RM1.12 juta kerana nilai projek yang ditawarkan oleh kontraktor adalah kurang daripada anggaran jabatan.

5.2.1.2. Prestasi Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)

- a. MBJB memperuntukkan sejumlah RM51.79 juta dan sejumlah RM29.26 juta (56.2%) telah dibelanjakan bagi tempoh 2019 hingga 2022. Butiran peruntukan dan perbelanjaan projek saliran dan penyenggaraan MBJB adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAHAGIAN SALIRAN DAN PENGURUSAN SUNGAI,
 MBJB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	MBJB	KPKT		MBJB	KPKT		
2019	10.00	-	10.00	7.46	-	7.46	74.6
2020	11.00	-	11.00	6.08	-	6.08	55.3
2021	9.25	-	9.25	6.97	-	6.97	75.3
2022	20.00	1.54	21.54	8.75	-	8.75	40.6
JUMLAH	50.25	1.54	51.79	29.26	0.00	29.26	56.5

Sumber: Rang Belanjawan 2018 hingga 2021, Maklumat Peruntukan dan Perbelanjaan MBJB dan Penyata Perbelanjaan, Tanggungan Terkumpul dan Baki Peruntukan

- b. Semakan Audit terhadap laporan peruntukan dan **perbelanjaan MBJB mendapat prestasi kewangan adalah 56.5% daripada peruntukan yang telah diluluskan** bagi tahun 2019 hingga 2022. Ini kerana kerja pembaikan dan penyenggaraan masih belum dilaksanakan dengan sempurna. Perbelanjaan yang melibatkan penyenggaraan dan pembaikan melibatkan tanggungan dan bayaran yang bersambung dengan tahun sebelum dan tahun akan datang. Ini kerana kerja tersebut memerlukan tempoh selama 12 hingga 36 bulan.

Maklum Balas MBJB pada 6 April 2023

Pada tahun 2020 dan 2021, pelaksanaan projek perlahan disebabkan tempoh Kawalan Pergerakan PKP (Covid-19) yang menyebabkan pelaksanaan sebahagian projek lewat dilaksanakan sebagaimana perancangan. Ini kerana keutamaan pelaksanaan mengikut kelulusan semasa Covid-19 hanya diberikan kepada kerja-kerja penyenggaraan. Sebahagian projek yang dilaksanakan pada tahun 2022 merupakan projek bersambung pada tahun 2023. Perbelanjaan tersebut akan dijelaskan pada tahun 2023. Sebanyak RM11.62 juta amaun dalam Akaun Kena Bayar (AKB) sehingga Mac 2023.

Pendapat Audit | **Peruntukan dan perbelanjaan telah dilaksanakan dengan baik bagi JPS. Manakala, bagi MBJB perbelanjaan projek adalah memuaskan kerana hanya mencapai 56.5%.**

5.2.2. Pentadbiran Kontrak

5.2.2.1. Projek Saliran Mesra Alam Lewat Siap

- a. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2 perenggan 2.3 menjelaskan agensi hendaklah menggunakan Inden Kerajaan untuk perolehan kerja. Sekiranya kerja telah siap dilaksanakan dan bayaran kepada kontraktor secara *one-off*, Agensi hendaklah mengeluarkan Inden Kerajaan Penyiapan Kerja untuk tujuan perakuan dan bayaran muktamad. Sekiranya, pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) seperti yang ditetapkan.

- b. Semakan Audit terhadap 30 projek JPS dan 36 projek MBJB mendapati **10 projek SMA lewat disiapkan mengikut jadual asal yang ditetapkan dengan kelewatan antara 52 hingga 216 hari**. Selain itu, projek perangkap sampah di JPSDBP tidak dikenakan LAD bagi kelewatan 95 hingga 98 hari. Perkara ini berlaku disebabkan tiada syarat LAD/denda dimasukkan dalam Inden Kerajaan. Butiran projek SMA adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PROJEK LEWAT SIAP BAGI JPS DAN MBJB SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	TAHUN	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP	KELEWATAN (HARI)
JPS DAERAH BATU PAHAT						
1.	2022	Kerja Pemasangan Perangkap Sampah di Parit Lapis, Parit Johar, Parit Soga dan Parit Sri Bengkal.	0.08	8 minggu (31.05.2022-26.07.2022)	27.10.2022 - 31.10.2022	95 - 98
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU						
2.	2019	Pembaikan tebing Sungai Bala - Di Jalan Tampoi, Taman Ungku Mohsin, Johor Bahru	0.12	10 minggu (25.02.2020 - 04.05.2020)	1.8.2020 EOT 1 13.6.2020	50
3.	2019	Menaik taraf Longkang Belakang Rumah - Di Jalan Jagong, Jalan Sekoi dan Jalan Padi Bandar Baru Uda, Johor Bahru	0.20	8 minggu (01.06.2020 - 26.07.2020)	22.11.2020 EOT 1 21.9.2020	56 LAD RM2,684
4.	2019	Membina Longkang - Di Taman Orkid Johor Bahru, Johor.	0.28	12 minggu (02.09.2020 - 24.11.2020)	15.02.2021 EOT 24.12.2020	52 LAD RM3,120
5.	2020	Pembaikan Tembok Runtuh Serta Kerja-Kerja Berkaitan - Di Jalan Teratai 6, Taman Plentong Baru, Johor Bahru	0.25	12 minggu (02.09.2020 - 24.11.2020)	27.01.2021 EOT 1 24.12.2020	35 hari
6.	2021	Penambahbaikan Sistem Perangkap Sampah GPT (<i>Gross Pollutant Trap</i>) - Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.	0.55	16 minggu (01.08.2021-20.11.2021)	22.07.2022 EOT 19.12.2021	216 hari LAD RM25,920
7.	2021	Kerja-Kerja Mengatasi Masalah Tebing Tanah Runtuh - Di Parit Utama Jalan Mutiara Emas 3/3, Taman Mount Austin, Johor Bahru	0.55	16 minggu (15.07.2021-03.11.2021)	22.03.2022	149 Hari
8.	2021	Membina On Site Detention Pond - Di Jalan Merawan, Taman Melodies, Johor Bahru, Johor	0.40	12 minggu (7.12.2021-28.02.2022)	22.12.2022 EOT 14.04.2022	253 Hari
9.	2021	Membina Perangkap Sampah Jenis CDS-GPT - Di Parit Utama Abd Samad, Johor Bahru	0.34	12 minggu (09.05.2021-31.07.2021)	02.12.2021 EOT 28.9.2021	65 hari
10.	2022	Pembinaan Sistem Pam Tebatan Banjir - Di Jambatan Kg. Mohd Amin	0.46	12 minggu (9.10.2022-31.12.2022)	Pelaksanaan 30% EOT 15.03.2023	LAD RM2,142
JUMLAH KESELURUHAN			3.23			

Sumber: JPS Daerah Johor Bahru, JPS Daerah Batu Pahat dan Senarai Fail Projek Bahagian Saliran dan Pengurusan Sungai, Jabatan Kerja Awam, MBJB

- c. Pihak MBJB telah membuat notis peringatan dan kenaan denda lewat siap bagi projek yang tidak mematuhi tempoh kontrak. **Gambar 5** dan **Gambar 6** menunjukkan contoh projek SMA yang terlibat semasa lawatan.

GAMBAR 5



Pembinaan Sistem Pam Tebatan Banjir di Jambatan Kg. Mohd Amin, Anak Sungai Chat, Johor Bahru Masih Belum Siap
Tarikh Siap Sepatutnya Pada 31.12.2022
(14.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Penambahbaikan Sistem Perangkap Sampah GPT (Gross Pollutant Trap) Sedia Ada di Kawasan MBJB Siap Pada 22.07.2022
Tarikh Sepatutnya Siap Pada 20.11.2021
(14.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPS Daerah Batu Pahat pada 24 Januari 2023

Pihak JPS memaklumkan Sijil Perakuan Siap telah ditandatangan pada 27 hingga 30 Oktober 2022. Selain itu, Arahan Memperbaiki Kecacatan telah dikeluarkan pada 15 Disember 2022 sehingga siap dan berpuas hati. Pembayaran telah dibuat 20 Disember 2022.

Maklum Balas MBJB pada 6 April 2023

MBJB memaklumkan tiga projek telah siap dan dikenakan bayaran LAD berjumlah RM31,724, manakala Kerja Pembinaan Sistem Pam Tebatan Banjir di Jambatan Kampung Mohd Amin telah diberi kelulusan EOT sehingga 15 Mac 2023.

Pendapat Audit	Pihak JPS dan MBJB telah membuat pemantauan berkala bagi projek yang lewat siap dan mengenakan LAD terhadap kontraktor yang kurang cekap.
-----------------------	--

5.2.2.2. Penamatian Kontrak

- a. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.5 perenggan 2 menjelaskan sesuatu projek dikategorikan sebagai projek sakit apabila kemajuan kerja fizikal mengalami kelewatan 2 bulan atau 20% berbanding jadual asal yang ditetapkan. Selaras dengan Fasal 51.1(a) i) dan (b) Syarat-syarat Kontrak, penamatian pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sekiranya pihak kontraktor gagal mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan.
- b. Sekiranya pengambilan kerja ditamatkan, kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51.1.(c) Syarat-syarat Kontrak dan segala perbelanjaan yang akan timbul hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor. Selain itu, rampasan terhadap Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) akan dibuat selaras dengan Fasal 13.6 Syarat-syarat Kontrak.
- c. Semakan Audit mendapati MBJB telah melantik kontraktor 734390-V bagi kerja Menaik taraf Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Di Alur Anak Sungai Pandan Kawasan Taman Setia Indah, Johor Bahru bernilai RM6.27 juta. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 22 Mac 2022 bagi tempoh 24 minggu bermula pada 31 Mac hingga 21 September 2022. Bagaimanapun, pihak kontraktor masih belum memulakan kerja pembinaan walaupun tindakan Notis Kelewatan Kerja di Tapak telah dikeluarkan oleh pihak MBJB pada 16 Jun 2022. Seterusnya, Surat Amaran Kemungkiran Kontraktor dikeluarkan pada 4 Julai 2022. Mesyuarat Lembaga Tender MBJB Bil. 7/2022 telah meluluskan penamatian kontraktor pada 29 September 2022 kerana kontraktor masih belum memulakan kerja dan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- d. Sehingga tarikh pengauditan, **MBJB masih belum melantik kontraktor penyiap bagi meneruskan projek Menaik taraf Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Di Alur Anak Sungai Pandan Kawasan Taman Setia Indah, Johor Bahru**. Selain itu, didapati Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan bernilai RM313,625 belum dirampas kerana pelanggaran syarat kontrak.

- e. Pihak Audit dimaklumkan terdapat satu aduan daripada orang awam telah diterima pada 5 Oktober 2022 berkaitan penamatan kontraktor dan projek yang tertangguh memberi kesan dan risiko banjir berulang di penempatan penduduk Taman Setia Indah.

Maklum Balas MBJB pada 6 April 2023

Surat tuntutan kepada pihak insurans dikeluarkan pada 6 April 2023.

Pendapat Audit | **Penamatan kontrak yang dilaksanakan oleh MBJB adalah kurang cekap kerana tidak mematuhi syarat kontrak dan peraturan yang berkuat kuasa.**

5.2.3. Penyenggaraan Kolam Takungan Banjir

5.2.3.1. Penyenggaraan Berkala KTB oleh JPS

- a. Berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi 2, Lampiran 2.4 kolam takungan akan berfungsi dengan berkesan jika ia disenggara dengan kerap. Pemotongan rumput perlu dibuat sebulan sekali untuk mengelakkan rumput panjang dan pertumbuhan anak-anak kayu. Rumput di kolam takungan kering perlu disenggara untuk kekal pada ketinggian 50 mm untuk memastikan kolam dalam keadaan yang lebih baik. Struktur *inlet* dan *outlet* perlu sentiasa dibersihkan terutama selepas berlaku hujan yang boleh menyebabkan struktur tersebut tersumbat dengan sampah dan kelodak.
- b. Semakan Audit mendapati syarat yang ditetapkan oleh MSMA tidak mengikut syarat kontrak yang dibuat. Bilangan sebenar penyenggaraan KTB oleh JPSDJB dan JPSDBP adalah antara satu hingga enam kali setahun. Terdapat enam hingga 11 kali yang tiada penyenggaraan berjadual disebabkan kekurangan peruntukan kewangan. **Penyenggaraan berkala yang dilaksanakan oleh JPSDJB dan JPSDBP tidak mengikut kekerapan sebulan sekali seperti yang ditetapkan oleh MSMA.**
- c. Manakala MBJB telah melaksanakan penyenggaraan berkala mengikut kekerapan dengan pusingan kerja sebulan sekali selaras dengan MSMA. Butiran bilangan kekerapan penyenggaraan berkala KTB bagi tahun 2019 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
BILANGAN KEKERAPAN PENYENGGARAAN BERKALA KTB

TAHUN	JUMLAH KTB	BILANGAN KEKERAPAN SETAHUN (PUSINGAN)	TEMPOH PENYENGGARAAN
JPS DAERAH JOHOR BAHRU			
2019	48	3	8 Bulan
2020	43	5	5 Bulan
2021	38	5	8 Bulan
	8	1	2 Minggu
2022	10	1	2 Minggu
	7	2	4 - 6 Bulan
	23	3	4 Bulan 2 Minggu
JPS DAERAH BATU PAHAT			
2019	48	2	4 Bulan
2020	67	6	7 Bulan 2 Minggu
2021	48	5	4 Bulan
2022	64	4	7 Bulan 1 Minggu
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU			
2019	TB	TB	TB
2020	20	12	12 Bulan
2021	20	12	12 Bulan
2022	44	12	12 Bulan

Sumber: Perolehan dan kontrak penyenggaraan KTB JPS Daerah Johor Bahru, JPS Daerah Batu Pahat dan MBJB
Nota: TB - Tidak Berkaitan

- d. Semakan Audit terperinci mendapati JPSDJB dan JPSDBP telah melaksanakan pusingan kerja penyenggaraan berkala berakhir di antara bulan Oktober hingga Disember setiap tahun. Manakala pusingan kerja penyenggaraan yang baharu bermula di antara bulan April hingga Ogos bagi tahun berikutnya. **Selang masa di antara tempoh akhir pusingan dan tempoh mula pusingan penyenggaraan yang baharu telah menyebabkan KTB telah terbiar tanpa penyenggaraan selama lima hingga 10 bulan.** Keadaan ini boleh menyebabkan keadaan fizikal KTB tidak terurus seperti rumput atau anak pokok yang tinggi, sampah dan bahan terampai memenuhi kawasan KTB dan struktur *inlet/outlet* tersumbat sehingga menjelaskan fungsi KTB untuk mengawal air larian ke sungai. Maklumat terperinci seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
TEMPOH KTB TERBIAR TANPA PENYENGGARAAN LANDSKAP

TAHUN	PUSINGAN PENYENGGARAAN TERAKHIR	PUSINGAN PENYENGGARAAN PERTAMA	TEMPOH TANPA PENYENGGARAAN (BULAN)	BILANGAN KTB
JPS DAERAH JOHOR BAHRU				
2019/2020	November 2019	Julai 2020	8	13
	Oktober 2019	Ogos 2020	10	20
2020/2021	November 2020	Mei 2021	6	12
	November 2020	Julai 2021	8	14
	November 2020	Ogos 2021	9	9
2021/2022	November 2021	April 2022	5	2
	November 2021	Mei 2022	6	25
	Disember 2021	Mei 2022	5	3
JPS DAERAH BATU PAHAT				
2019/2020	Disember 2019	Jun 2020	6	43
2020/2021	November 2020	Ogos 2021	9	35
2021/2022	Oktober 2021	Julai 2022	9	18
	November 2021	Julai 2022	8	10
	November 2021	Jun 2022	7	6

Sumber: JPS Daerah Johor Bahru dan JPS Daerah Batu Pahat

- e. Lawatan fizikal Audit pada Ogos 2022 dan Februari 2021 terhadap enam KTB mendapati **keadaan fizikal KTB tidak terurus dengan keadaan rumput panjang dan sampah bertaburan** seperti dalam **Gambar 7** hingga **Gambar 10**.

GAMBAR 7



KTB 1, PPR Bukit Mutiara

KTB baru disenggara semasa lawatan Audit pada
(23.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Kebaikan KTB dengan rumput panjang dan sampah bertaburan selepas 2 bulan 1 minggu daripada tarikh terakhir disenggara pada 14.12.2022
(23.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



GAMBAR 10



KTB 11, Taman Bukit Indah

KTB baru disenggara semasa lawatan Audit pada
(24.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Keadaan KTB dengan rumput panjang tidak terurus
selepas 5 bulan 2 minggu daripada tarikh terakhir
disenggara pada 05.09.2022
(23.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPS Daerah Johor Bahru pada 5 Januari 2023 dan JPS Daerah Batu Pahat pada 24 Januari 2023

- JPSDJB dan JPSDBP memaklumkan panggilan sebut harga akan dibuat setiap awal tahun setelah menerima waran peruntukan pada bulan Februari hingga Mac setiap tahun dan lantikan pihak kontraktor adalah sekurang-kurangnya 3 minggu selepas sebut harga ditutup.
- Tempoh penyenggaraan KTB juga adalah berdasarkan peruntukan yang diterima antara dua hingga enam pusingan. Setiap tahun juga akaun ditutup pada awal Disember dan pusingan penyenggaraan perlu ditamatkan selewat-lewatnya bulan November setiap tahun.
- Oleh kerana kekangan peruntukan, maka pusingan penyenggaraan hanya boleh dilaksanakan dari dua hingga lima pusingan. Kerja-kerja penyenggaraan hanya akan dimulakan paling awal bulan Mei dan selewat-lewatnya bulan Ogos bergantung kepada kriteria lokasi dan keluasan kolam.

**Pendapat | Penyenggaraan KTB yang dijalankan oleh JPS adalah
Audit | memuaskan manakala MBBJ adalah baik serta mematuhi MSMA.**

5.2.3.2. Kolam Takungan Banjir Tidak Disenggara

- a. Manual Saliran Mesra Alam Edisi Kedua (MSMA), Lampiran 2.4 menyatakan penyenggaraan KTB perlu dilakukan secara berkala dan teratur bagi mengurangkan risiko kegagalan fungsi KTB tersebut. Kekerapan penyenggaraan secara berkala bergantung kepada jenis, saiz, keadaan lokasi dan struktur outlet utama. Perenggan 7.4.1., Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi 2, menyatakan KTB perlu direka bentuk dengan mengambil kira keselamatan awam semasa ia beroperasi dan juga semasa tempoh KTB tidak beroperasi.
- b. Semakan Audit terhadap perolehan **kerja penyenggaraan KTB di JPSDBP bagi tempoh 2019 hingga 2022 mendapati tujuh KTB tidak disenggara bagi tempoh 13 hingga 24 bulan terakhir** seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KOLAM TAKUNGAN BANJIR YANG TIADA PENYENGGARAAN

BIL.	NAMA KTB	TAHUN TIADA PENYENGGARAAN	TEMPOH TIADA PENYENGGARAAN (BULAN)	PENYENGGARAAN TERAKHIR		
				TARIKH	PEMOTONGAN RUMPUT	PENGGALIAN KOLAM
1.	Taman Peserai Jaya	2021 - 2022	14	24.10.2021	/	
2.	Taman Seroja Jaya	2021 - 2022	14	26.10.2021		/
3.	Bandar Baru Ayer Hitam	2021 - 2022	24	22.11.2020		/
4.	Taman Harmoni Indah 2	2021 - 2022	14	26.10.2021		/
5.	Taman Sulong Mewah	2020 - 2022	24	01.12.2019	/	
6.	Taman Kota Indah	2021 - 2022	13	11.11.2021	/	
7.	Taman Bukit Tropika 2	2021 - 2022	13	11.11.2021	/	

Sumber: JPS Daerah Batu Pahat

- c. Lawatan fizikal Audit terhadap KTB yang tiada penyenggaraan dalam tempoh 13 hingga 24 bulan mendapati keadaan KTB dipenuhi dengan rumput dan anak pokok yang tinggi seperti dalam **Gambar 11** dan **Gambar 12**. Selain itu, ciri-ciri keselamatan di **dua KTB di JPSDBP tidak menepati kehendak MSMA seperti ketiadaan papan tanda nama KTB, papan tanda amaran keselamatan dan pagar sekeliling KTB yang telah rosak** seperti dalam **Gambar 13 hingga Gambar 15**.

GAMBAR 11



Rumput dan Anak Pokok Tinggi dalam KTB Bandar Baru Ayer Hitam
(14.12.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Rumput dan Anak Pokok Tinggi dalam KTB Taman Sulong Mewah dan Pagar KTB Telah Rosak
(14.12.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Pagar Pintu Tertanggal di KTB Taman Sri Mulia
(13.12.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Papan Tanda Amaran Keselamatan Tertanggal di KTB Taman Sri Mulia
(13.12.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 15

Tiada Papan Tanda Nama dan Amaran Keselamatan di KTB Taman Sulong Mewah
(14.12.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPS Daerah Batu Pahat pada 24 Januari 2023

Oleh kerana kekangan peruntukan kewangan, maka pusingan penyenggaraan hanya boleh dilaksanakan dari dua hingga lima pusingan bergantung pada peruntukan kewangan yang diterima pada tahun tersebut. Kerja penyenggaraan hanya akan dimulakan paling awal pada bulan Mei dan selewat-lewatnya bulan Ogos bergantung pada kriteria lokasi dan keluasan KTB.

Bagi pemasangan papan tanda nama dan papan tanda amaran keselamatan, pihak JPS akan memasukkan dalam perancangan. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada peruntukan kewangan yang akan diterima.

Maklum Balas JPS Negeri Johor pada 16 Julai 2023

Pada dasarnya penyediaan papan tanda amaran di kawasan KTB telah dimasukkan dalam syarat-syarat JPS untuk ulasan Kebenaran Merancang di peringkat PBT. Walau bagaimanapun, pematuhan syarat semasa pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) adalah di bawah kuasa pihak PBT.

Pendapat Audit	Penyenggaraan KTB yang dilaksanakan oleh JPSDBP tidak mengikut kekerapan, serta skop kerja yang ditetapkan boleh menjelaskan fungsi KTB dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, kawalan keselamatan yang kurang berkesan boleh mengakibatkan pencerobohan di kawasan tersebut.
-----------------------	---

5.2.4. Pewartaan Kolam Takungan Banjir

- a. Berdasarkan Seksyen 62 (1) Kanun Tanah Negara, menetapkan Pihak Berkuasa Negeri bolehlah dengan pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk apa-apa maksud awam. Seterusnya Mesyuarat Ketiga Majlis Air Negara (MAN) Tahun 2021 telah menimbangkan langkah pewartaan rizab tanah kerajaan untuk pengekalan KTB dan rizab sungai. Selain itu, Prosedur Operasi Standard (SOP), setiap pewartaan akan menggunakan pakai KTB yang telah direkodkan dalam Senarai Inventori JPS.

- b. Semakan Audit terhadap Senarai Inventori KTB mendapati **kesemua 326 KTB di Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat seluas 2,581,797 meter persegi yang masih belum diwartakan sejak tahun 2021** seperti dalam **Jadual 18.**

JADUAL 18
BILANGAN KTB DI DAERAH JOHOR BAHRU DAN BATU PAHAT
YANG MASIH BELUM DIWARTAKAN

DAERAH	BILANGAN KTB			JUMLAH KESELURUHAN KTB	LUAS (METER PERSEGI)
	PENYENGGARAAN OLEH JPS	PENYENGGARAAN OLEH PBT	PENYENGGARAAN OLEH PEMAJU/ PEMUNYA PREMIS		
Johor Bahru	48	44 (MBJB) 22 (MBIP)	126	240	2,463,276
Batu Pahat	86	TB	TB	86	118,521
JUMLAH	134	66	126	326	2,581,797

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor dan MBJB

Nota: TB - Tidak Berkaitan

Maklum Balas JPS Negeri Johor Pada 5 Januari 2023

Pihak JPS Negeri Johor memaklumkan proses pewartaan hanya boleh dimulakan setelah kawasan kolam-kolam tersebut diukur halus apabila telah menerima secara rasmi penyerahan kolam daripada pihak PBT. Bagi tujuan perkhidmatan ukur halus, sejumlah peruntukan yang besar diperlukan dengan anggaran RM6.74 juta bagi keluasan 275.902 hektar dan sehingga kini tiada peruntukan diterima.

Pendapat Audit | **Pihak JPS belum mengambil tindakan untuk mewartakan KTB kerana belum menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri.**

5.2.5. Pencerobohan Tanah Rizab Sungai dan KTB

- a. Seksyen 425 Akta Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan pendudukan secara tak sah di tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah pelombongan merupakan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

- b. Lawatan fizikal Audit yang telah diadakan bersama pegawai JPS pada 21 November 2022 melibatkan 46 lokasi mendapati terdapat **tiga pencerobohan di kawasan tanah rizab sungai dan juga kolam takungan banjir**. Pencerobohan tanah rizab sungai dan KTB adalah seperti dalam **Jadual 19** dan **Gambar 16 hingga Gambar 19**.

JADUAL 19
PENCEROBOHAN TANAH RIZAB SUNGAI DAN KTB

BIL.	KAWASAN	JENIS TANAMAN YANG DITEROKA	RUMAH DAN INFRASTRUKTUR YANG DITEROKA	BILANGAN PENEROKA
1.	Kg. Melayu Wawasan, Gelang Patah, Johor Bahru	TB	1 Buah Rumah Pondok	1
2.	KTB Kolam 3, Projek Perumahan Rakyat Bukit Mutiara, Johor Bahru	Kelapa dan Tebu	TB	TM
3.	Sungai Taman Rinting, Johor Bahru	TB	- 1 Buah Tapak Perusahaan - Anggaran 5 buah Rumah Penduduk	6

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TM – Tiada Maklumat

GAMBAR 16



Pembinaan Rumah Pondok Di Rizab Sungai Kg. Melayu Wawasan, Gelang Patah, Johor Bahru
(21.11.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Tanaman Pokok Tebu dan Kelapa Dalam KTB Kolam 3, Projek Perumahan Rakyat Bukit Mutiara
(21.11.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



Pembinaan Rumah Di Rizab Sungai Taman Rinting, Johor Bahru
(21.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Penempatan Tapak Perusahaan di Sungai Taman Rinting, Johor Bahru
(21.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPS Negeri Johor pada 5 Januari 2023

a. Kg. Melayu Wawasan, Gelang Patah

Kawasan tersebut di bawah rizab seliaan **Jabatan Perhutanan** yang diwartakan sebagai hutan tanah lembap.

b. Kolam 3, Projek Perumahan Rakyat Bukit Mutiara

Surat aduan kepada **Pentadbir Tanah Johor Bahru** dan Perbadanan Perumahan Johor telah dikeluarkan pada 22 November 2022 untuk tindakan lanjut. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil oleh pihak tersebut behubung pencerobohan di kawasan rizab.

c. Sungai Taman Rinting

Surat aduan kepada **Pentadbir Tanah Johor Bahru** telah dikeluarkan pada 28 November 2022 untuk tindakan lanjut.

**Pendapat
Audit**

Percerobohan tanah rizab sungai dan KTB boleh menyebabkan risiko kejadian banjir yang merugikan harta benda serta risiko keselamatan nyawa.

5.2.6. Pengurusan Aduan Awam Belum Selesai

- Berdasarkan Carta Alir bagi Pengurusan Aduan Awam JPS, setiap aduan awam yang diterima perlu disiasat, diselesaikan dan ditutup dalam tempoh 14 hari. Selain itu, MBJB bertanggungjawab untuk menerima, menyiasat dan membuat laporan serta mengambil tindakan ke atas aduan yang berkaitan masalah sistem saliran dan pengurusan sungai bagi Zon Bandar, MBJB mengikut jenis aduan.
- Semakan Audit terhadap laporan aduan yang diterima mendapati sebanyak **160 aduan awam bagi tahun 2019 hingga 2022 oleh JPS dan MBJB masih belum selesai** sehingga tarikh pengauditan. Bilangan aduan awam yang masih belum selesai mengikut tahun adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
BILANGAN ADUAN AWAM YANG MASIH BELUM SELESAI DI JPS DAERAH JOHOR BAHRU,JPS DAERAH BATU PAHAT DAN MBJB BAGI TAHUN 2019 SEHINGGA 2022

TAHUN	JPS DAERAH JOHOR BAHRU	JPS DAERAH BATU PAHAT	MBJB	JUMLAH ADUAN BELUM SELESAI	PERATUS (%)
2019	1	-	-	1	0.6
2020	5	-	-	5	3.1
2021	4	-	2	6	3.8
2022	4	1	143	148	92.5
JUMLAH KESELURUHAN	14	1	145	160	100

Sumber: Senarai Aduan JPS Negeri Johor dan JPS Daerah Batu Pahat, Buku Daftar Aduan dan Fail Aduan JPS Daerah Johor Bahru serta Laporan Statistik Mengikut Kategori dalam SISPAA MBJB

- Analisis Audit mendapati lapan (57.1%) daripada 14 aduan JPSDJB tiada dalam rekod aduan SISPAA MBJB. Semakan Audit mendapati pihak pengadu tidak mengemukakan aduan berkenaan kepada pihak MBJB untuk tindakan seterusnya. Manakala, empat (28.6%) aduan yang diterima oleh JPSDJB masih dalam siasatan MBJB, satu aduan tahun 2019 dan satu aduan tahun 2021 masing-masing masih dalam tindakan pemaju dan pihak 380208-V.
- Satu aduan tahun 2022 di JPSDBP masih tidak dapat diselesaikan iaitu berkaitan pengurusan sungai dan projek tebatan banjir. Pihak Audit dimaklumkan kemajuan kerja Projek Menaik taraf Saliran Mesra Alam Sungai Suloh Fasa 1, Daerah Batu Pahat, Johor masih belum selesai. Manakala bagi kerja-kerja pembinaan jambatan baharu bagi menggantikan pembentung kekotak sedia ada di Sungai Suloh masih di peringkat rekabentuk awalan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Kesan projek yang sedang dalam pelaksanaan di Kampung Sungai Suloh, Batu Pahat Johor mengakibatkan kerap berlaku banjir di kawasan berhampiran.

- e. Seterusnya, semakan Audit terhadap 52 (35.9%) sampel daripada **145 aduan awam MBJB yang belum selesai mendapat sebanyak 33 (63.5%) aduan telah selesai** dan **baki 19 (36.5%) aduan masih belum selesai** sehingga tarikh akhir pengauditan. Butiran lanjut berkaitan pencapaian penyelesaian bagi 52 sampel aduan awam adalah 63.5% seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PENCAPAIAN PENYELESAIAN BAGI 52 SAMPEL ADUAN AWAM
BAHAGIAN SALIRAN DAN PENGURUSAN SUNGAI MBJB

TAHUN	BIL. ADUAN YANG BELUM SELESAI SEHINGGA 2022	BIL. SAMPEL ADUAN AWAM	BIL. SAMPEL ADUAN AWAM YANG BELUM SELESAI	BIL. ADUAN AWAM SELESAI PADA 2023	PENCAPAIAN (%)
2019	-	-	-	-	-
2020	-	-	-	-	-
2021	2	2	1	1	50.0
2022	143	50	18	32	64.0
JUMLAH	145	52	19	33	63.5

Sumber: Laporan Statistik Mengikut Kategori SiSPAA dan Laporan Maklum Balas SiSPAA

- f. Analisis Audit mendapati 33 aduan telah selesai sepenuhnya berdasarkan kepada butiran maklum balas SISSPA dan pengesahan daripada pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, **19 aduan belum selesai sehingga tarikh pengauditan dan sedang dalam perhatian pegawai bertanggungjawab MBJB**. Pegawai tersebut memaklumkan aduan tersebut masih dalam siasatan, kerja-kerja pembaikan sedang dilakukan dan kerja-kerja pembersihan telah dimasukkan dalam jadual rancangan kontraktor tahun 2023.

Maklum Balas Audit JPS Daerah Batu Pahat pada 24 Januari 2023

Satu aduan yang masih belum selesai adalah berkaitan dengan Projek Merekabentuk dan Membina Jambatan Baru Bagi Menggantikan Pembentung Kekotak Sediada di Sungai Suloh (Menaiktaraf Sistem Saliran Mesra Alam Daerah Batu Pahat, Johor) dan masih di peringkat rekabentuk awalan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Maklum Balas MBJB pada 6 April 2023

Setiap aduan diterima akan dilaksanakan siasatan di tapak oleh Penolong Jurutera dan terus dimaklumkan secara lisan kepada pengadu. Tempoh maklum balas dikemaskini di dalam sistem adalah tempoh aduan telah diselesaikan.

Pendapat Audit	Pengurusan aduan awam adalah memuaskan. Pihak JPS dan MBJB telah mengambil tindakan siasatan dan pemberian terhadap aduan-aduan awam yang diterima.
-----------------------	--

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Program Saliran Mesra Alam JPS dan MBJB adalah memuaskan dan telah mencapai objektif Dasar Rancangan Struktur Negeri Johor (DRSNJ) 2030 untuk meminimakan risiko banjir di negeri Johor. Prestasi pelaksanaan fizikal projek SMA dan penyenggaraan KTB adalah baik menunjukkan pemantauan dilaksanakan dengan berkesan. KTB berfungsi sebagai pusat rekreasi yang dapat memberi manfaat dan impak positif kepada rakyat negeri Johor. Bagaimanapun, beberapa kelemahan dalam pengurusan telah menyebabkan projek SMA lewat siap, penyenggaraan KTB tidak mematuhi ketetapan MSMA, pewartaan KTB belum dilaksanakan, pencerobohan dan pengurusan aduan saliran mesra alam yang memuaskan.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif pengurusan saliran mesra alam dapat dicapai, adalah disyorkan pihak terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. memastikan pengurusan program Saliran Mesra Alam dan penyenggaraan KTB yang dilaksanakan oleh JPS dan MBJB mengikut jadual dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya;
- 7.2. JPS mewartakan kawasan yang dirizabkan sebagai Kolam Takungan Banjir (KTB) apabila menerima penyerahan KTB secara rasmi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- 7.3. JPS dan MBJB meningkatkan tahap pemantauan dan tindakan aduan awam bagi mengelakkan kejadian banjir dan pencerobohan.

